

**Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tingkah Laku Merokok Di Kalangan Pelajar Sekolah
: Satu Tinjauan Di SMK Taman Selesa Jaya 2, Skudai, Johor**

Zainudin Bin Abu Bakar & Ahmad Hafizi Bin Saad

Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku merokok di kalangan pelajar sekolah. Tiga persoalan utama yang dikaji ialah faktor rakan sebaya, faktor keluarga dan faktor persekitaran. Kajian ini melibatkan 30 orang pelajar tingkatan satu hingga tingkatan lima yang terdiri daripada murid lelaki dan perempuan di SMK Taman Selesa Jaya 2, Skudai, Johor. Responden kajian ini terbatas kepada pelajar yang dikenal pasti dan mempunyai rekod pernah ditangkap atas kesalahan merokok oleh guru disiplin sekolah. Kajian ini berbentuk deskriptif menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Data dianalisis dengan menggunakan bantuan perisian SPSS Versi 13.5 for Windows (*Statistical Package For The Social Sciences*) bagi mendapatkan hasil kekerapan, peratus dan min. Daripada 3 persoalan tersebut didapati nilai min keseluruhan adalah sederhana. Keputusan kajian keseluruhan mendapati faktor persekitaran adalah faktor yang lebih kuat dalam mempengaruhi pelajar merokok berbanding dengan faktor keluarga dan faktor rakan sebaya. Beberapa cadangan telah dikemukakan bagi memungkinkan kajian lanjutan dilakukan.

Katakunci : faktor, merokok

Pengenalan

Berdasarkan hasil tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (National Health And Morbidity Survey) pada tahun 1995 prevalen perokok di kalangan remaja berumur 12-18 tahun pada tahun itu secara keseluruhan ialah 16.7 %. Secara berasingan prevalen perokok di kalangan remaja lelaki ialah 30 % dan remaja perempuan ialah 5 %. Suatu kajian susulan yang dijalankan oleh Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2000, menunjukkan prevalen perokok di kalangan remaja ini telah meningkat kepada 18 %. Peningkatan prevalen perokok di kalangan remaja daripada 16.7 % pada tahun 1995 kepada 18 % pada tahun 2000 adalah kerana peningkatan mendadak prevalen perokok di kalangan remaja perempuan daripada 5 % kepada 8 %.

Laporan Kementerian Kesihatan dalam kempen “Anti Merokok Tak Nak” (2004) telah menyenaraikan beberapa penyakit kronik kesan daripada merokok antaranya ialah kanser paru-paru, COPD (enfisima dan bronkitis), kanser kerongkong, kanser mulut dan tekak, kanser esophagus, strok, crohn’s disease, penyakit jantung iskemia, kanser pundi kencing, arteriosclerosis, ulser pepetik, kanser pancreas dan pneumonia. Selain dari itu, merokok juga mempercepatkan proses penuaan dan memendekkan usia seseorang.

Berdasarkan Jadual di bawah yang dilaporkan oleh Kementerian Kesihatan dalam kempen Cara Hidup Sihat (2003) yang menyatakan mengapa seseorang itu perlu berhenti merokok dari sudut ekonomi. Berhenti merokok, perbelanjaan mendapatkan rawatan penyakit akibat merokok dapat dijimatkan selain menjimatkan wang.

Jadual 1 : Mengapa perokok perlu berhenti dari sudut ekonomi

Bil. Batang Rokok	10	20	30	40
Kos Rokok Sehari (RM)	2.50	5.00	7.50	10.00
Satu Minggu (RM)	17.50	35.00	52.50	70.00
Satu Bulan (RM)	75.00	150.00	225.00	300.00
Satu Tahun (RM)	900.00	1800.00	2700.00	3600.00
5 Tahun (RM)	4500.00	9000.00	13500.00	18000.00
10 Tahun (RM)	9000.00	18000.00	27000.00	36000.00

Sumber : Kempen Cara Hidup Sihat (2003)

Bagi membendung permasalahan ini, pihak kerajaan telah mewujudkan Peraturan 8 A Kawalan Hasil Tembakau (1997) adalah menjadi satu kesalahan bagi remaja yang berumur 18 tahun ke bawah untuk merokok, membeli atau memiliki sebarang hasil tembakau. Remaja-remaja yang didapati bersalah di bawah peraturan ini, boleh dikenakan kompaun sehingga RM 1000.00.

Ini bertepatan dengan kehendak ajaran Islam itu sendiri di mana ajaran Islam melarang umatnya melakukan sesuatu yang membahayakan diri dan masyarakat seperti mana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nisa ayat 195 yang bermaksud: “*Wahai orang-orang yang beriman, jangan anda makan harta setengah kamu dengan jalan tidak betul (kebatilan), melainkan ada persetujuan di antara kamu, dan jangan membunuh diri anda, sesungguhnya Allah Maha Penyayang*”.

Pernyataan Masalah

Kajian ini akan mengkaji tentang tingkah laku merokok di kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Selesa Jaya 2, Skudai, Johor. Antara aspek yang akan dikaji termasuklah faktor rakan sebaya, faktor keluarga dan faktor persekitaran.

Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk :

- i. Mengenal pasti faktor rakan sebaya yang mempengaruhi pelajar terlibat dalam kegiatan merokok.
- ii. Mengenal pasti faktor keluarga yang mempengaruhi pelajar terlibat dalam kegiatan merokok.
- iii. Mengenal pasti faktor persekitaran yang mempengaruhi pelajar terlibat dalam kegiatan merokok.

Kepentingan Kajian

Hasil daripada kajian ini akan dapat :

- i. Memberi bantuan dan panduan kepada pihak pentadbir sekolah terutamanya pengetua, guru disiplin dan guru-guru dalam usaha mencari inisiatif bagi menangani permasalahan ini.
- ii. Memberi panduan dan kesedaran kepada ibu bapa supaya lebih mengambil berat dan mengawasi tingkah laku anak-anak mereka agar tidak terlibat dalam kegiatan merokok yang boleh membawa kepada keruntuhan moral dan akhlak.

- iii. Memberi informasi kepada masyarakat berkenaan dengan gejala ini, agar mereka lebih peka, bertanggungjawab dan prihatin terhadap remaja supaya kegiatan ini dapat dikurangkan melalui kesedaran dan kerjasama daripada masyarakat keseluruhannya.

Reka bentuk Kajian

Reka bentuk kajian digunakan sebagai panduan bagi pengkaji mendapatkan data dan maklumat. Kajian yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif. Data-data mengenai persoalan kajian adalah diperolehi melalui kaedah soal selidik. Kaedah ini digunakan kerana ianya sesuai digunakan bagi mengetahui sikap seseorang (Mohd Najib, 1999).

Menurut Mohd Majid (2000) soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan kerana penggunaannya dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas yang diberikan oleh responden. Ini adalah disebabkan ia tidak dipengaruhi oleh gerak laku penyelidik. Mereka bebas menyatakan pendapat sendiri untuk menjawab setiap item yang dikemukakan. Menurut Mohamad Najib (1999) disebabkan kekangan masa, kaedah soal selidik adalah paling sesuai digunakan, di mana kaedah analisis datanya juga mudah dilakukan berbanding dengan kaedah pemerhatian langsung yang memerlukan kemahiran terlatih serta memerlukan masa yang lama.

Responden Kajian

Mohd Najib (1999) menyatakan bahawa responden adalah terdiri daripada siapakah kita memperolehi data. Kita perlu mengenal pasti kelompok individu yang kita selidik. Semua ahli dalam kelompok tersebut dikenal pasti sebagai responden.

Responden dalam kajian ini terdiri daripada 30 orang pelajar yang telah dikenal pasti dan mempunyai rekod pernah ditangkap atas kesalahan merokok oleh guru disiplin sekolah. Kajian ini melibatkan pelajar tingkatan satu hingga tingkatan lima yang terdiri daripada 23 orang murid lelaki dan 7 orang murid perempuan di SMK Taman Selesa Jaya 2, Skudai, Johor.

Berdasarkan kepada jadual yang diberi menunjukkan jumlah pelajar berdasarkan tingkatan yang mempunyai rekod pernah ditangkap atas kesalahan merokok oleh guru disiplin sekolah adalah seperti di bawah:

Jadual 2 : Jumlah pelajar merokok berdasarkan tingkatan

Tingkatan	Kekerapan
Satu	6
Dua	7
Tiga	7
Empat	5
Lima	5
Jumlah	30

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah dalam bentuk soal selidik yang merangkumi beberapa bahagian. Penyelidik merasakan kaedah ini adalah merupakan yang paling sesuai untuk mendapatkan maklumat dan data-data dari responden kerana melalui kaedah ini maklum balas terhadap aspek yang dikaji dapat diperolehi secara terus daripada responden dan ianya cepat serta menjimatkan masa dan perbelanjaan. Mohamad Najib (1999) menyatakan soal

selidik digunakan kerana ia mudah ditadbir setelah dibina dengan baik dan data senang diproses untuk analisis. Soalan untuk soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Kajian Rintis

Sebelum set soal selidik dihantar kepada responden untuk tujuan kajian sebenar, set soalan tersebut terlebih dahulu diuji dari sudut kefahaman pelajar dari segi tatabahasa, isi kandungan, kesahan dan keboleh percayaannya melalui kajian rintis. Menurut Mohd Najib (2003) kajian rintis adalah satu aktiviti yang penting bagi setiap kajian tinjauan di mana selain daripada menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, ia juga digunakan untuk menguji kaedah terbaik mentadbir instrumen, mengenal sampel dan kesesuaian kaedah analisis. Kajian rintis ini telah dijalankan ke atas 25 orang pelajar lelaki yang dikenal pasti merokok oleh guru disiplin di Sekolah Menengah Kebangsaan Senai, Johor. Selain itu, kajian rintis ini juga berperanan untuk menganggarkan masa yang sesuai untuk mentadbir set soal selidik bagi kajian sebenar yang akan diadakan nanti.

Kajian rintis tersebut akan dibuat beberapa pembetulan sekiranya perlu terhadap item bagi memantapkan soalan. Setiap soalan yang dibuat akan diteliti terlebih dahulu dan akan diubah sekiranya tidak sesuai atau terlalu umum untuk setiap objektif yang telah ditetapkan. Nilai alpha perlu melebihi 0.8 bagi memastikan kebolehpercayaan soalan (Mohd Najib, 1998). Nilai ini adalah merupakan nilai yang sesuai bagi sesuatu alat ukur ia adalah berpandukan dari Model Alpha Cronbach. Jadual 2 menunjukkan analisis statik menggunakan Alpha Cronbach.

Jadual 3 : Pekali alpha cronbach

Nilai	Tahap
0.0 – 0.2	Rendah (ubah kesemua item)
0.2 – 0.8	Sederhana (ubah sebilangan item)
0.8 – 1.0	Tinggi (item boleh diterima)

Sumber : Mohd Najib 1998

Analisis Data

Jadual 4 : Analisis perbandingan faktor rakan sebaya, faktor keluarga dan faktor persekitaran yang mempengaruhi tingkah laku merokok di kalangan pelajar sekolah

Pembolehubah	Nilai Min
Faktor Rakan Sebaya	2.51
Faktor Keluarga	2.67
Faktor Persekitaran	2.88

Jadual 4 di atas menunjukkan nilai min bagi ketiga-tiga faktor iaitu faktor rakan sebaya, faktor keluarga dan faktor persekitaran yang mempengaruhi tingkah laku merokok di kalangan pelajar sekolah. Nilai min bagi faktor persekitaran menunjukkan nilai tertinggi sebanyak 2.88, diikuti nilai min bagi faktor keluarga sebanyak 2.67 dan yang selebihnya nilai min bagi faktor rakan sebaya sebanyak 2.51. Namun begitu jika dilihat dari 3 persoalan tersebut didapati nilai min keseluruhan adalah sederhana. Merujuk dari jadual di atas jelas menunjukkan bahawa faktor

persekitaran banyak mempengaruhi tingkah laku merokok di kalangan pelajar SMK Taman Selesa Jaya 2, Skudai, Johor seterusnya diikuti faktor keluarga dan rakan sebaya.

Perbincangan

Dalam kajian ini faktor rakan sebaya adalah faktor yang pertama untuk dikaji bagi menentukan adakah faktor rakan sebaya yang mempengaruhi tingkah laku merokok di kalangan pelajar sekolah. Persoalan kajian ini merangkumi 12 item dalam soal selidik yang menyentuh tentang hal-hal yang berkaitan dengan rakan sebaya.

Manakala untuk nilai min yang terendah pula adalah pada item 5 iaitu 1.70 yang mana responden tidak bersetuju mengenai semangat setiakawan saya sangat tinggi dengan kawan-kawan yang merokok. Ini dilihat dari 3.3 peratus sahaja responden yang bersetuju akan item ini.

Dapatan kajian ini turut disokong oleh Jersild (1978) yang menyatakan bahawa penerimaan rakan sebaya dalam kumpulan akan menunjukkan penghargaan ke atas diri pelajar tersebut. Oleh itu, jika individu pelajar bercampur dengan kumpulan pelajar yang merokok di sekolah, kemungkinan untuk pelajar itu turut terlibat dengan salah laku tersebut adalah tinggi.

Dalam kajian ini, faktor keluarga menjadi persoalan kajian yang kedua dikaji bagi menentukan adakah faktor ini mempengaruhi tingkah laku responden untuk merokok. Persoalan kajian ini merangkumi 10 item dalam soal selidik yang menyentuh tentang hal-hal yang berkaitan dengan faktor keluarga.

Manakala nilai min yang terendah pula adalah pada item 22 iaitu 1.93 yang mana responden tidak bersetuju bahawa ibu atau bapa saya akan merokok apabila bersamasama kawan-kawannya. Ini dilihat dari 83.3 peratus responden tidak bersetuju akan item ini manakala selebihnya tidak pasti dan setuju.

Dapatan kajian ini selari dengan Carwin (1988) yang menyatakan masa yang diluangkan oleh ibu bapa dengan anak-anak mereka adalah sangat penting. Beliau mendapati dalam kajiannya di Amerika Syarikat bahawa di kalangan mereka yang bekerja. Oleh yang demikian, mereka tidak mempunyai masa untuk memberikan tunjuk ajar yang betul kepada anak-anak mereka. Keadaan seperti ini mengikut beliau boleh membawa kepada masalah disiplin seperti ponteng sekolah, merokok, memeras ugut, memukul guru dan sebagainya.

Sebuah hadis Rasullullah (s.a.w.) yang bermaksud, “ *Tiap-tiap anak dilahirkan di atas fitrahnya dan sesungguhnya ibu dan bapanya yang akan menjadikan sama ada Yahudi, Majusi atau Nasrani* ”. Pengertian daripada hadis ini ialah betapa pentingnya peranan ibu bapa dalam mencorakkan dan memberi pendidikan kepada anak-anak supaya mereka membesar dan menjadi manusia yang berguna kepada bangsa, agama dan negara.

Faktor persekitaran menjadi persoalan kajian yang ketiga dikaji bagi mengetahui sama ada faktor ini turut mempengaruhi tingkah laku responden untuk merokok. Dalam soal selidik yang dibina, terdapat 11 item yang disoal berkaitan dengan hal-hal persekitaran.

Dari hasil kajian ini, jelas menunjukkan bahawa rokok memang mudah dibeli dengan sebab itu pelajar bebas merokok tanpa sekatan. Tambahan pula para pekedai yang menjual rokok tidak pernah melarang atau menegur remaja yang membelinya. Para pekedai yang menjual rokok hanya mementingkan keuntungan sahaja menyebabkan remaja memula dan meneruskan kegiatan merokok setiap hari.

Pernyataan ini selari dengan Majalah Dewan Budaya (September 1999) yang menyatakan bahawa pertumbuhan pusat-pusat hiburan yang banyak hanya mementingkan keuntungan turut menyumbang kepada keruntuhan akhlak remaja. Pada masa sekarang terdapat banyak kedai-kedai runcit yang berhampiran dengan kediaman kita. Keadaan ini amatlah baik kerana

memudahkan orang ramai dalam mendapatkan barang. Tetapi agak malang apabila terdapatnya pekedai juga turut menjualkan rokok kepada orang ramai termasuklah pelajar tanpa larangan.

Rujukan

- Ainon Mohd Dan Abdullah Hassan (2000). *Kursus Berfikir Untuk Kolej Dan Universiti*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Awang Had Salleh (1980). *Disiplin: Satu Tinjauan Konsep Dari Segi Pendidikan. Disiplin Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Bachman, J.G. (1970). *Droping Out : Problems Of Symptoms*. Michigan: University Press.
- Che Soh Muda (2001). *Kajian Tentang Salah Laku Pelajar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Dakwah (Mac 1997). *Masalah Sosial Remaja Semakin meruncing*. m.s. 6 – 9.
- Duan, M., (1973). *The Children We Deserve*. London: Ward Lock Educational.
- Ee Ah Meng (1992). *Sekolah Dan Perkembangan Kanak-Kanak*. Shah Alam : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Julie Rosnani (2003). *Tanda-tanda Dan Gejala Kanser Paru-Paru*. Mingguan Wanita. Kuala Lumpur: Karangkraf.
- Kamaruddin Hj Husin (1996). *Ke Sekolah dan Perkembangan Kanak-kanak*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Khalijah (1996). *Bagaimana Untuk Mengasihi Dan DiKasihi*. Johor Bahru: Perniagaan Janabersa.
- Mahathir Mohamad (1991). Ucapan Persidangan Pertama Majlis Perdagangan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Majalah Massa (Mei 2003). *Masalah Sosial Remaja: Salah Siapa?* . m.s 46-47.
- Peraturan 8 A Kawalan Hasil Tembakau (1997): kesalahan bagi remaja yang berumur 18 tahun ke bawah untuk merokok, membeli atau memiliki sebarang hasil tembakau.
- Rusli Hashim (2005). *Cara Mudah Berhenti Merokok*. Kuala Lumpur : Utusan publications & Distributors Sdn Bhd.
- Sufian Hussin, Lai Chin Chin, Mohd Firdaus Hussin, Abdul Rahim Abd Rashid (2004). *Merokok Di Kalangan Remaja Malaysia*. Shah Alam. Karisma Publications Sdn.Bhd.
- Zurina (1998). *Krisis Disiplin Di kalangan Penuntut Sekolah: Isu Pendidikan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.